

27 OCT 2000

Rencana: Perhutanan

PERHUTANAN DI MALAYSIA: SATU WAWASAN

Oleh: Ali Mamat

KUALA LUMPUR; -- Ketika menggariskan Wawasan 2020 negara, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut memberi penekanan khusus kepada peri pentingnya alam sekitar negara terus bersih dan nyaman, sumber air tidak tercemar, sumber hutan terus berupaya menjana hasil dan mampu menampung keperluan pembangunan negara.

Cetusan aspirasi Perdana Menteri itu jelas merupakan satu cabaran kepada para rimbawan, penggubal undang-undang, pembalok atau peladang untuk meningkatkan usaha ke arah mencapai satu tahap Pengurusan Hutan secara Berkekalan (PHB) yang cemerlang dan menuntut pengdefinisan semula konsep tradisional PHB yang diamali sekarang.

Adalah menjadi kewajipan bagi setiap rimbawan dan penggubal dasar untuk menggaris semula keutamaan penggunaan hutan, sekali gus merumuskan konsep pengurusan yang baru.

"Jelas PHB dan pembangunan jangka panjang sektor hutan di negara ini memerlukan satu pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu," kata Timbalan Menteri Perusahaan Utama Datuk Anifah Aman pada satu perhimpunan anggota Institut Rimbawan Malaysia (IRIM), di sini baru-baru ini.

Anifah menegur kerana ada kecenderungan, termasuk di kalangan rimbawan profesional dan pembuat dasar masa kini lebih menumpu kepada bidang kepentingan masing-masing, sama ada amalan pembalakan, kepelbagaian biologi atau perubahan iklim, sedangkan hakikatnya semua bidang berkenaan mempunyai hubungan-kait simbolik yang tidak boleh dipisahkan.

Seorang lagi tamu pada perhimpunan itu, Senator Rosli Mat Hassan sependapat dengan Anifah dan berkata, secara tradisinya, penggubal dasar dan undang-undang melihat perhutanan tidak lebih daripada suatu komoditi, sedangkan ia turut merangkumi kesenian, sains dan teknologi, alam sekitar, pelancongan dan ekologi.

AGENSI BERKAITAN HUTAN DIPANDU SATU DASAR

Menurut Rosli, yang juga seorang graduan perhutanan, bagi memastikan pengurusan hutan benar-benar dilaksanakan secara bersepadu, semua agensi yang ada kaitan dengannya hendaklah dipandu oleh satu dasar, dengan pencapaian PHB sebagai objektif bersama.

Pada masa ini, Jabatan Perhutanan (balok) diletakkan di bawah Kementerian Perusahaan Utama, Jabatan Hidupan Liar (flora dan fauna) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sementara Jabatan Perairan dan Saliran (sungai) di bawah Kementerian Pertanian.

Pada masa yang sama, kerajaan-kerajaan negeri sewajarnya dibantu dalam merumuskan dasar perhutanan serta pemberian konsesi balok masing-masing.

Bagi memastikan semua itu tercapai, Jabatan Perhutanan sewajarnya menyelenggara satu pangkalan data yang kemaskini bagi setiap sektor perhutanan negara.

"Semua pembaharuan itu akan membantu mengelakkan ketidak-seragaman di kalangan pihak-pihak yang sedang berusaha menjayakan PHB," kata Rosli.

Anifah menegaskan, walaupun keazaman politik amat penting dalam menyelesaikan masalah berkaitan perhutanan, peranan menyusun strategi, memupuk pengetahuan dan keupayaan terserah sepenuhnya kepada para pakar dan golongan profesional.

Hutan, tegasnya, janganlah dilihat hanya sekadar tempat tinggal Orang Asli, sumber bahan bakar bagi sesetengah orang atau kemudahan untuk riadah dan eko-pelancongan. Ia adalah pelindung sumber air kerana ia mencegah

tanah runtuh, banjir, tanah gelongsor, banjir lumpur serta melindungi janakuasa hidor-elektrik, sistem pengairan dan bekalan air kediaman.

HUTAN HASILKAN OKSIGEN PENYAMBUNG KEHIDUPAN

Hutan juga bertindak sebagai "penapis" dan "takungan" bagi menukarkan karbon dioksida menerusi proses fotosintesis kepada oksigen yang amat perlu bagi kesinambungan hidup manusia, serta habitat hidupan liar untuk pelbagai binatang, serangga dan tumbuhan.

Hutan tropika diketahui menampung lebih separuh spesis haiwan dan tumbuhan di atas muka bumi, termasuk tumbuhan perubatan dan makanan, sementara dedaun yang gugur adalah sumber humus utama yang menjadi baja lapisan atas yang penting untuk penyuburan pokok.

Anifah berkata, hutan juga memainkan peranan penting dalam mengekalkan keseimbangan ekologi, seperti pusingan tahunan mendapan dan air banjir yang diperlukan untuk tanaman makanan manusia.

Kekompleksan hutan hujan tropikal serta peranannya yang pelbagai sesungguhnya sebahagian daripada cabaran besar yang dihadapi rimbawan profesional dan kumpulan-kumpulan yang ada hubung kait dengannya.

"Justeru itu, memastikan keseimbangan yang betul di antara pengeluaran hasil hutan, perlindungan alam sekitar dan pemuliharaan kepelbagaian biologi adalah perlu jika mahu hutan terus memainkan peranan pentingnya di bidang ekonomi, sosial, kebudayaan dan estetik," tambah beliau.

Anifah mengingatkan "sambil kita mara ke arah Wawasan 2020 dan menuju industrialisasi, peranan hutan dalam menjamin mutu kehidupan, bahkan kehidupan itu sendiri, akan menjadi bertambah penting kerana salah satu unsur utama fungsi perlindungan ekosistem hutan ialah perlindungan dan pembersihan air."

KEMUSNAHAN PERSEKITARAN DAN PENCEMARAN LALUAN AIR ASLI

"Proses pambandan yang pesat dan pembangunan tanah telah membawa banyak kemusnahan kepada persekitaran air, sementara pembukaan tanah yang tidak terancang untuk perumahan dan pembangunan industri adalah penyumbang utama kepada pencemaran laluan air asli di negara ini," kata Anifah.

Bagaimanapun, katanya, beberapa langkah pembetulan telah dijalankan oleh pihak berkuasa bagi mencapai matlamat perhutanan negara, termasuk pemindaan ke atas Akta Perhutanan Negara 1984 pada 1993, bagi memperkuatkan lagi penguatkuasaan dan mengurangkan kegiatan pencerobohan.

Ia juga bertujuan mengoptimumkan pertumbuhan semula hutan secara asli, sambil menghasilkan bekalan balak dan air bersih secara berkekalan, serta menjamin kestabilan ekologi dan pengekalan kepelbagaian biologi.

Sumber hutan negara juga dipertindungi di kawasan-kawasan yang diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal, seperti yang termaktub di dalam Dasar Perhutanan Negara 1978. Sehingga tahun lepas, sejumlah kira-kira 14.3 juta hektar hutan telah diwartakan di bawah kategori itu.

Sejajar dengan itu, Malaysia juga menyokong dasar-dasar yang berkaitan pencegahan kemusnahan sumber air, bukit bukau dan lain-lain kawasan seumpamanya, dengan melaksanakan skim pemuliharaan tanah dan menyediakan insentif untuk tujuan itu.

Malaysia juga komited kepada penyelenggaraan maklumat kemaskini berhubung sumber hutannya serta memastikan litupan hutan yang minimum, melaksanakan program penghutanan dan penanaman semula hutan, perawatan silvikultur kawasan sudah dibalak yang terpilih dan mewujudkan mekanisme kewangan bagi menyediakan sumber kewangan tambahan untuk projek-projek pemuliharaan.

Bagaimanapun, tugas mengurus hutan secara berkekalan menjadi bertambah sukar dan kompleks dengan kemunculan pelbagai cabaran baru seperti harapan sosio-ekonomi yang meningkat, sumber yang terhad dan keperluan kepada

pengurusan hutan dan pensijilan ke atas kayu balak.

MALAYSIA AKUR DENGAN KEHENDAK ITTO

Dalam hubungan itu, kata Anifah, Malaysia kini dalam proses melaksanakan skim pensijilan sejajar dengan komitmen Malaysia bagi mencapai objektif PHB yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kayu Tropikal Antarabangsa (ITTO).

"Kita telah menggubal Kriteria, Indikator, Kegiatan dan Piawaian Prestasi Pengurusan Hutan Malaysia sebagai piawaian kebangsaan untuk kegunaan skim pensijilan yang dikendalikan oleh Majlis Kebangsaan Pensijilan Kayu Malaysia (MNTCC)," kata Anifah.

Bagi tujuan itu, peningkatan pengetahuan sains berhubung cara-cara hutan berfungsi, di samping kemahiran tentang bagaimana cara untuk memajukan sistem maklumat pengurusan sumber hutan bersepadu boleh menyumbang kepada pemantauan yang lebih berkesan dan perancangan yang lebih teratur.

"Tenaga kerja masa depan mestilah benar-benar terlatih dan mempunyai pelbagai kemahiran, fleksibel, inovatif dan kreatif, sementara para rimbawan mestilah berkecualan, dedikasi dan bermotivasi untuk menahuti cabaran PHB," kata Anifah.

Konsep PHB juga perlu diubah untuk turut merangkumi isu yang lebih luas berkaitan fungsi hutan daripada segi ekologi dan sosial, di mana penghasilan balak merupakan hanya salah satu daripada fungsi itu.

Anifah dan Rosli mencadangkan agar IRIM selaku badan profesional mengambil inisiatif merumus satu wawasan dan misi untuk pembangunan sektor hutan secara berkekalan, sejajar dengan matlamat PHB.

Mereka juga berharap akan berlaku satu anjakan paradigma di kalangan rimbawan profesional agar mereka tidak hanya sekadar menjadi pengawal atur barangan hutan, tetapi turut menjadi pengurus kepada lain-lain kegunaan hutan termasuk yang berkaitan dengan kestabilan tanah dan iklim, sumber air, pemuliharaan bio-diversiti dan keharmonian alam sekitar.

-- Bernama

AM